

Jurnal Arkeologi Malaysia  
September 2016, Vol 29, No 2, hlm. 1-14  
ISSN 0128-0732 (Print) XXXX-XXXX (Online)  
Diterbitkan oleh Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia

## Batu Acheh: Jumpaan Terbaharu Di Pulau Langkawi, Kedah Malaysia

Zuliskandar Ramli, Ahmad Helmi Mohd Mukhtar, Mohd Samsudin,  
Mohammad Rohaizat Abdul Wahab, Muhammad Shafiq Mohd Ali  
& Muhammad Tarmizi Hasni<sup>1</sup>

### Abstrak

---

Batu Acheh adalah salah satu objek budaya yang menarik minat para penyelidik yang berkecimpung dalam bidang arkeologi, sejarah dan budaya. Batu Acheh telah dijadikan sebagai salah satu bukti pengislaman raja-raja Melayu sejak abad ke-13 Masihi yang mana asal usul pembuatan batu Acheh ini adalah di Acheh. Keberadaan Batu Acheh di Pulau Langkawi sebelum ini hanya tertumpu kepada kehadiran sepasang Batu Acheh di Kampung Ulu Melaka dan dinamakan Makam Purba. Eksplorasi yang dijalankan pada tahun 2015 oleh pasukan arkeologi Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mengidentifikasi penempatan purba di Langkawi telah menemukan tiga lagi makam yang menggunakan batu nisan Acheh. Dua makam ditemukan di Kampung Kubang Badak manakala sebuah lagi di Kampung Tanjung, Ulu Melaka, Langkawi. Berdasarkan kepada tipologi, batu Acheh yang di jumpai di Kampung Kubang Badak adalah daripada jenis H1 dan H2 yang mana tipologi tersebut sama seperti batu nisan di Makam Purba manakala Batu Acheh di makam Kampung Tanjung adalah daripada jenis M. Batu Aceh jenis H ini secara relatifnya dihasilkan pada abad ke-14 hingga 15 Masihi manakala jenis M pula dihasilkan pada abad ke-16 hingga 17 Masihi. Jumpaan batu nisan Acheh di Langkawi ini secara tidak langsung menunjukkan peranan dan kepentingan Langkawi sebagai salah satu daerah pentadbiran Kesultanan Melayu Kedah sejak abad ke-14 Masihi lagi.

---

**Kata kunci:** Batu Acheh, Langkawi, Makam Purba, Kampung Tanjung, Ulu Melaka

### Abstract

---

*Batu Acheh or Acheh Tombstone was one of the cultural objects that attracts researchers who are involved in the field of archaeology, history and culture. Batu Acheh has been used as one of the evidences of Islamization of Malay Rulers since 13th century AD and the origin of Batu Acheh is from Acheh. The presence of Batu Acheh in Langkawi was only focus in one area which is located in Kampung Ulu Melaka and the tomb was called Makam Purba. Survey conducted by researchers from Universiti Kebangsaan Malaysia in 2015 in order to identify ancient settlement in Langkawi have found three more ancient tomb with Batu Acheh as a tombstone. Two of the tomb were located in Kampung Kubang Badak and one tomb was located in Kampung Tanjung, Ulu Melaka, Langkawi. Based on their typology, Batu Acheh from Kampung Kubang Badak are categorized as Type H tombstone which have the same typology of Batu Acheh from Makam Purba whilst Batu Acheh form Kampung Tanjung, Ulu Melaka are categorized as Type M.*

*Type H Batu Aceh was produced in 14<sup>th</sup> century to 15<sup>th</sup> century AD whilst Type M was produced in 16<sup>th</sup> century to 17<sup>th</sup> century AD. The findings of Batu Aceh in Langkawi shows the important and role of Langkawi as a one of the administrative district in Kedah Malay Sultanate since 14<sup>th</sup> century AD.*

---

**Keywords:** *Batu Aceh, Langkawi, Ancient Tomb, Kampung Tanjung, Ulu Melaka*

## Pengenalan

Batu Aceh merupakan salah satu jenis batu nisan yang terdapat di Malaysia dan merupakan antara peninggalan sejarah yang penting. Batu Aceh berasal dari utara Sumatera sejak awal abad ke-13 Masihi lagi. Istilah Batu Aceh muncul pada tahun 1920 berkenaan dengan penemuan sebuah makam keramat di Pahang dipercayai milik Keramat Saiyid Abu Bakar yang dijumpai oleh seorang wartawan Sircom. Beliau telah menerbitkan sebuah artikel berkaitan makam tersebut dengan menggunakan istilah Batu Aceh kepada nisan tersebut kerana menyerupai nisan-nisan yang terdapat di utara Sumatera yang pernah beliau temui (Othman Yatim 1988).

Di Malaysia, Batu Aceh hanya digunakan sebagai tanda bagi makam orang kenamaan sahaja seperti sultan, kaum kerabat serta pembesar kerajaan. Batu nisan digunakan sejak dari abad ke-13 M sehingga abad ke-19 M. Hal ini berkemungkinan ada kaitan dengan hubungan perdagangan serta hubungan kekeluargaan antara pemerintah di Semenanjung Malaysia dengan pembesar Utara Sumatera terutamanya Aceh. Sebagai contoh, hubungan kekeluargaan yang terjalin antara Kesultanan Perak dengan Kesultanan Aceh pada tahun 1577 yang mana putera Sultan Mansur Shah, Sultan Perak yang ke-2 telah ditabalkan menjadi Sultan Aceh dengan gelaran Sultan Alauddin Mansur Shah memerintah dari tahun 1577-1585 (Abdul Halim Nasir 1977).

Selain digunakan secara meluas di Malaysia sebagai tanda bagi makam orang kenamaan, Batu Aceh juga turut digunakan di Selatan Thailand serta Brunei. Batu Aceh yang tertua dijumpai di Kepulauan Melayu adalah milik Sultan Malik as-Salih, sultan pertama yang memerintah Kerajaan Samudera Pasai di timur laut Sumatera, Wilayah Aceh sekarang yang bertarikh Ramadhan 696 H (1297 M). Nisan Aceh yang tertua dijumpai di Malaysia pula adalah bertarikh 856 H (1451-1453 M) yang dijumpai di Sayong Pinang, Johor (Daniel & Kamaruddin 2004). Dianggarkan terdapat lebih daripada 400 buah makam yang ditandakan Batu Aceh berjaya dikesan di negara kita walaupun kebanyakannya telah hilang dan musnah. Antaranya yang dijumpai di Langkawi yang dikenali sebagai Makam Purba.

## Batu Aceh Di Langkawi

Langkawi terletak dalam wilayah Kedah iaitu negeri di Utara Semenanjung Malaysia. Langkawi merupakan sebuah pulau bebas cukai dan pelancongan yang terkenal dengan keindahan dan lagendanya. Di Langkawi juga kajian berkenaan Batu Aceh sebelum ini menemukan satu makam sahaja yang ditandakan dengan Batu Aceh. Makam tersebut terletak di Kampung Ulu Melaka yang diketahui wujud semenjak pertengahan tahun 1970-an oleh Othman Yatim (Othman Yatim 1988). Makam tersebut tidak diketahui pemiliknya dan hanya dikenali sebagai Makam Purba. Batu Aceh yang terdapat di Makam Purba adalah Batu Aceh jenis H2 yang dihasilkan dalam abad ke-14 Masihi.

Ciri khas Batu Aceh jenis H ialah bahu yang menonjol dan melengkung ke atas di kedua belah bahunya (bahu ini sering kali berlobus-lobus) serta kepala yang bertingkat 2 (lihat Rajah 1 dan Rajah 2). Jenis ini dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu bahagian puncak, kepala, bahu, badan bahagian atas, badan bahagian bawah dan bahagian dasar. Bahagian puncak mempunyai satu tingkat. Bahagian kepala dua mempunyai dua tingkat yang mana tingkat atasnya berbentuk tiga segi dan sering dihiasi dengan ukiran hujung panah yang bersambung dengan hiasan yang diukir bentuk bebawang yang berada di tingkat bawah yang berbentuk bebawang juga. Bahagian badan atas sering


dihiasi dua ukiran yang dipahat berbentuk tangga. Permukaan biasanya dihiasi panil-panil yang dipahat, tingkat-tingkat pseudo-kaligrafi, bunga-bunga, ukiran bersilang-silang dan pelbagai lagi. Pada bahagian badan bawah pula sering dihiasi tiga ukiran berbentuk bebawang menonjol pada muka besar. Bahagian dasar pula berbentuk empat segi panjang yang dihiasi satu atau beberapa ukiran berbentuk empat segi panjang yang dipahat.



Rajah 1. Batu Aceh jenis H2 yang terdapat di Makam Purba.

Beza antara H1 dengan H2 adalah di mana jenis H2 di bahagian bahu-bahu, kepala dan puncak dihiasi beberapa tingkat benggolan bebawang dan tiga segi (lihat Foto 1). Selain itu, kebanyakan Batu Aceh jenis H2 dihiasi sebuah tonjolan vertikal di tengah muka besar batu nisan daripada badan bahagian bawah hingga ke puncak. Kebiasaannya, di Semenanjung Malaysia, Batu Aceh jenis H adalah digunakan untuk menandakan makam milik golongan perempuan.

Pada tahun 2015, penulis bersama pasukan penyelidikan arkeologi Universiti Kebangsaan Malaysia dibantu penduduk tempatan telah berjaya menemui 3 lagi Batu Aceh setelah menjalankan survei di beberapa kawasan dalam Pulau Langkawi. Dua daripadanya dijumpai di Kampung Kubang Badak dan satu di Kampung Tanjung, Ulu Melaka. Batu Aceh yang dijumpai di Kampung Kubang Badak adalah jenis H1 dan H2 iaitu sama dengan Batu Aceh yang terdapat pada Makam Purba. Kedua batu ini dijumpai di bahagian permukaan makam iaitu sebagai penanda makam tersebut. Walau bagaimanapun Batu Aceh tersebut berada dalam keadaan 30% hingga 35% baik sahaja manakala struktur yang lain telah rosak bermungkinan disebabkan oleh faktor alam sekitar mahupun gangguan daripada manusia atau haiwan. Batu Aceh satu lagi dijumpai melalui survei serta ekskavasi arkeologi di Kg. Tanjung, Ulu Melaka.



Rajah 2. Lakaran Batu Aceh jenis H.



Foto 1. Batu Aceh jenis H1 dan H2 yang dijumpai di Kg. Kubang Badak

**Batu Aceh Di Makam Kampung Tanjung, Ulu Melaka, Langkawi**

Batu Aceh di Kampung Tanjung telah ditemui melalui kerja menyelamat pada 28 dan 29 Nov 2015 iaitu lanjutan dari hasil survei yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli dan beberapa orang penyelidik dari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kawasan makam ini berada dalam tanah persendirian penduduk kampung. Penelitian awal terhadap makam ini menunjukkan hanya sebuah sahaja batu nisan yang masih lagi boleh dilihat pada ukuran 16 cm dan selebihnya sudah tenggelam ke dalam tanah. Manakala satu lagi sudah tidak dapat dilihat akibat tertimbus sepenuhnya.

Seramai 8 orang penyelidik di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli telah melakukan kerja-kerja menyelamat di makam tersebut setelah mendapat kebenaran dari tuan tanah. Prosedur ekskavasi dilakukan mengikut garis panduan yang ditetapkan dan kerja ekskavasi dilakukan selama 2 hari. Antara garis panduan yang dilakukan dalam proses gali cari adalah seperti menentukan titik datum sebenar bagi menentukan tapak yang perlu di gali cari seperti dalam rajah 4 dan 5. Setelah garis datum dan tapak ditentukan, maka petak dibuka pada kiraan 2 meter x 2 meter dengan nombor petak CVII serta kedalaman satu spit bersamaan 20 cm.



Foto 2. Proses penyediaan garisan datum.



Foto 3. Permukaan petak CVII dengan kiraan 2 X 2 meter

Gali cari dilakukan selama 2 hari yang mana telah berjaya mengeluarkan kedua nisan arah selatan di petak CVII dan nisan arah utara di petak CVI pada kedudukan spit 4. Setelah itu, sampel tanah diambil bagi menentukan jenis tanah serta stratigrafi tanah juga turut dilakukan seperti rajah

6. Semasa proses gali cari, terdapat juga beberapa keping serpihan tembikar dijumpai pada petak CVII dengan kedalaman spit 3. Jumpaan tembikar tanah tersebut menunjukkan lapisan budaya yang berasosia dengan makam ini adalah berada pada kedalaman 60 cm dari permukaan tanah. Tembikar tanah yang dijumpai dalam bentuk serpihan dipercayai tembikar buatan tempatan.



Foto 4. Keadaan Batu Acheh sebelum galicari dijalankan.



Foto 5. Kedudukan Batu Nisan Acheh selepas galicari dijalankan.




Foto 6. Stratigrafi tanah.



Foto 7. Antara serpihan tembikar yang dijumpai

### Jenis Batu Nisan Yang Dijumpai di Kampung Tanjung, Ulu Melaka

Batu Aceh yang dijumpai pada makam Kg Tanjung adalah jenis M yang secara relatifnya dihasilkan pada abad ke-16 dan abad ke-17 Masihi (lihat Rajah 3). Ciri khas jenis ini adalah mempunyai 5 bahagian iaitu puncak, kepala, badan bahagian atas, badan bahagian bawah dan dasar. Puncak berbentuk bebawang lapan muka dengan atasnya berbentuk panjang sekali. Bahagian kepala pula berbentuk satu atau dua tingkat cakera yang diukir berbentuk lapan daun atau “kelopak bunga teratai” (kadang kala dengan satu ukiran tiga persegi di antara dua ukiran daun). Terdapat sebuah tonjolan vertikal di sebelah tengah setiap muka badan bahagian atas yang tidak berhias. Badan bahagian bawah berbentuk segi lapan sama dan dihiasi pada setiap hujung dengan satu ukiran menonjol berbentuk bebawang. Bahagian dasar berbentuk segi empat sama dihiasi dengan satu atau beberapa ukiran empat persegi panjang yang timbul.



Rajah 3. Lakaran Batu Aceh jenis M

### Batu Nisan Bahagian Selatan

Pembukaan petak CVII berjaya mengeluarkan batu nisan sebelah selatan. Batu nisan ini telah patah kepada dua bahagian dan puncak batu nisan tersebut telah hilang dan tidak ditemui semasa proses survei dan ketika galicari. Bahagian pertama yang dikeluarkan ialah bahagian kepala, badan dan badan bawah yang berukuran 30.6 cm. Ukuran lilit bahagian badan atas 59 cm manakala ukuran lilit bahagian badan bawah 46 cm. Bahagian kepala yang mempunyai ukiran bentuk bunga teratai tidak sempurna. Manakala bahagian kedua yang dikeluarkan ialah tapak atau bahagian dasar batu nisan yang berukuran 29.5 cm dan mempunyai permukaan tapak berbentuk segi empat sama berukuran 17x17 cm (lihat Foto 8, Foto 9 dan Foto 10).



Foto 8. Badan bahagian atas dan badan bawah





Foto 9. Bahagian dasar dan tapak batu nisan



Foto 10. Corak bunga Teratai

### Batu Nisan Bahagian Utara

Cari gali petak CVI bertujuan untuk mengeluarkan keseluruhan batu nisan sebelah utara. Ini kerana pada awalnya kepala batu nisan utara berada di bahagian petak CVI. Walau bagaimanapun separuh badannya dan juga dasar berada di luar tapak CVI. Batu nisan utara dijumpai lengkap akan tetapi telah patah kepada 4 bahagian. Bahagian pertama ialah puncak batu nisan tersebut. Bahagian kedua kepala, badan atas dan badan bawah yang berukuran 36 cm, bahagian ketiga bahagian dasar setinggi 10cm dan mempunyai kelebaran 20x 20 cm dan yang keempat tapak bawah setinggi 32 cm (lihat Foto 12, Foto 13). Lakaran bahagian badan, pandangan dari atas dan bahagian dasar boleh dirujuk di Rajah 4, Rajah 5 dan Rajah 6.



Foto 11. Bahagian kepala berbentuk bunga teratai



Foto 12. Kepala, badan atas dan badan bawah







Foto 13. Bahagian dasar dan tapak bawah



Rajah 4. Lakaran Batu Nisan Aceh Jenis M di Kampung Tanjung, Ulu Melaka, Langkawi (Lakaran Oleh Ahmad Helmi Mohd Mukhtar)






Rajah 5. Lakaran Batu Nisan Aceh Pada Pandangan Atas  
(Lakaran Oleh Ahmad Helmi Mohd Mukhtar)



Rajah 6. Lakaran Batu Nisan Aceh di bahagian dasar dan tapak  
(Lakaran Oleh Ahmad Helmi Mohd Mukhtar)

### Lakaran Stratigrafi Makam Kampung Tanjung



### Kesimpulan

Penemuan baru Batu Aceh di Langkawi telah menambahkan lagi koleksi batu Aceh di negeri Kedah khususnya dan Malaysia amnya. Dua makam ditemukan di Kampung Kubang Badak manakala sebuah lagi di Kampung Tanjung, Ulu Melaka, Langkawi. Berdasarkan kepada tipologi, batu Aceh yang di jumpai di Kampung Kubang Badak adalah daripada jenis H1 dan H2 yang mana tipologi tersebut sama seperti batu nisan di Makam Purba manakala Batu Aceh di makam Kampung Tanjung adalah daripada jenis M. Batu Aceh jenis H ini secara relatifnya dihasilkan pada abad ke-14 hingga 15 Masihi manakala jenis M pula dihasilkan pada abad ke-16 hingga 17 Masihi. Jumpaan batu nisan Aceh di Langkawi ini secara tidak langsung menunjukkan peranan dan kepentingan Langkawi sebagai salah satu daerah pentadbiran Kesultanan Melayu Kedah sejak abad ke-14 Masihi lagi.

### Rujukan

- Abdul Halim Nasir. 1977. *Sejarah Perak: Siri Pertama*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium.  
 Daniel Perret, Kamarudin Ab. Razak & Ludvik Kalus. 2004. *Batu Aceh Johor: Dalam Perbandingan*.  
 Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Othman Mohd. Yatim. 1988. *Batu Aceh: Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Museum Association of Malaysia.

Zuliskandar Ramli  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
UKM, Bangi, Selangor  
Email: [ziskandar2109@gmail.com](mailto:ziskandar2109@gmail.com)

Ahmad Helmi Mohd Mukhtar  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
UKM, Bangi, Selangor  
Email: [ahmpjg@gmail.com](mailto:ahmpjg@gmail.com)

Mohd Samsudin  
Program Sejarah,  
Pusat Pengajian Sejarah, Sains Politik dan Strategi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
UKM, Bangi  
Email: [moss@ukm.edu.my](mailto:moss@ukm.edu.my)

Mohd Rohaizat Abd Wahab  
Calon Doktor Falsafah  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [mrohaizat@gmail.com](mailto:mrohaizat@gmail.com)

Muhamad Shafiq Mohd Ali  
Pegawai Sains  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [muhdshafiq@ukm.edu.my](mailto:muhdshafiq@ukm.edu.my)

Muhammad Termizi Hasni  
Calon Sarjana Persuratan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [termizi\\_hasni@yahoo.com](mailto:termizi_hasni@yahoo.com)